



BAB SATU

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Tulisan merupakan bahasa yang tersusun dari rangkaian kata dan ayat-ayat untuk melahirkan idea dan pendapat. Melalui penulisan sesuatu idea atau buah fikiran dapat disampaikan kepada orang lain. "Menulis adalah proses memberikan simbol-simbol grafik bagi melambangkan bahasa dalam menyusun perkataan, rangkaian kata, ayat dan seterusnya unit-unit yang lebih panjang mengikut peraturan-peraturan tertentu dengan menunjukkan wacana dan pelahiran idea yang jelas dan tersusun" (Kamarudin Hj.Husin dan Siti Hajar Hj.Abdul Aziz, 1997 : 2).

Untuk menulis, seseorang itu mesti berfikir dengan lebih mendalam dalam memilih item-item leksikal yang sesuai, meneliti aspek-aspek sintaksis, tanda-tanda bacaan dan sebagainya. Ini semua dilakukan untuk memastikan ayat-ayat yang ditulis mengandungi mesej yang hendak disampaikan dan ianya mudah difahami serta tidak mengelirukan pembacanya.

Kemahiran menulis amat penting kepada pelajar. Ini jelas kelihatan dalam pelbagai aktiviti pembelajaran, seperti menjawab peperiksaan bertulis di sekolah, menjawab soalan-soalan ujian, latihan tubi, merekodkan nota, dapatan dan sebagainya. Tanpa kemahiran menulis yang baik pelajar menghadapi kesukaran untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di semua tahap pengajian mereka. Oleh itu kemahiran menulis perlu diberi penekanan yang sewajarnya pada tahap awal pembelajaran lagi.

Keperluan kemahiran menulis ini memang disedari oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya para sarjana dan pendidik bahasa. Semenjak dari alam pra-sekolah pelajar telah diajar untuk menguasai kemahiran menulis terutamanya dalam bahasa rasmi negara tempat mereka tinggal. Pada peringkat persekolahan rendah dan menengah, pelajar diajar dan dilatih untuk menguasai berbagai-bagai jenis penulisan seperti menulis karangan, surat kiriman, menulis ucapan, minit mesyuarat, kenyataan, cerpen, nota dan sebagainya. Pelajar mesti menguasai kemahiran menulis untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan dalam hampir semua mata pelajaran di sekolah. Malahan pencapaian pelajar dalam setiap tahap pengajian di peringkat kebangsaan dinilai melalui sistem peperiksaan bertulis contohnya peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Hampir semua bentuk ilmu dan maklumat direkodkan, disimpan dan disebarkan dalam ayat-ayat bertulis. Tanpa tulisan kemungkinan besar sebahagian sejarah dan peradaban manusia akan lenyap begitu saja ditelan oleh masa. Walau pun terdapat khazanah dalam bentuk artifak dan monumen bersejarah namun ianya tidak dapat menandingi tulisan dari segi ketepatan maklumat dan pentafsiran fakta.

Menyedari akan kepentingan penulisan dalam pembelajaran bahasa, terutamanya bahasa asing penulis merasa terpacu untuk melakukan kajian mengenai pembelajaran kemahiran menulis ini dikalangan pelajar Melayu yang sedang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing. Sebagaimana yang telah dijelaskan, tulisan adalah bahasa yang tersusun yang terbentuk dari ayat-ayat yang ditulis. Ayat-ayat yang betul struktur binaannya, terdiri dari susunan leksikal yang tepat akan dapat melahirkan sesuatu idea yang difikirkan oleh penulis dan dapat difahami oleh pembaca.

Sementara gabungan beberapa ayat yang mempunyai ciri-ciri tersebut dengan susunan yang teratur di dalam sesuatu perenggan dan diikat dengan pengikat-pengikat bahasa atau tanda-tanda bacaan akan menjadikan sesuatu idea atau fikiran dapat dibentangkan dengan jelas dan menarik.

Dari sini, jelas kelihatan kepentingan ayat dalam melahirkan sesuatu idea secara bertulis. Dalam kajian ini, penulis memfokuskan kepada kemahiran menulis ayat bahasa Arab. Ini adalah kerana ayat merupakan asas penting dan juga pengukur kepada penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab yang dipelajari. Secara lebih terperinci lagi, penulis akan menumpukan kajian kepada aspek pembelajaran pelajar terhadap ayat yang melibatkan penggunaan leksikal dan susunannya, sementara aspek tatabahasa, aspek i'rab atau tanda-tanda baris yang berpunca dari kedudukannya dalam ayat, aspek morfologi dan aspek retorik tidak menjadi keutamaan dan hanya disentuh berdasarkan keperluan. Ini adalah selaras dengan keperluan Sukatan Pelajaran dan buku teks Bahasa Arab Komunikasi bagi tingkatan dua yang tidak menekankan aspek-aspek tersebut secara terperinci.

1.1 Latar belakang masalah

Bahasa Arab mempunyai pertalian yang kuat dengan orang Melayu yang beragama Islam. Bagi orang Islam bahasa Arab amat penting kerana ia adalah bahasa ibadat. Dua sumber rujukan utama agama Islam iaitu kitab suci al-Quran dan hadis Nabi Muhammad (SAW) ditulis dalam bahasa Arab. Bahasa Arab telah sampai ke Tanah Melayu bersama-sama dengan kedatangan Islam. Pada peringkat permulaan ianya berkembang dengan pesatnya di pusat-pusat pendidikan agama Islam tradisional seperti masjid-masjid, surau-surau, pondok-pondok dan sekolah-sekolah agama rakyat.

Penggunaan bahasa Arab yang meluas dalam penyebaran ilmu-ilmu agama telah memberi kesan kepada bahasa Melayu. Kesan yang nyata dari pengaruh bahasa Arab kepada bahasa Melayu ialah penggunaan sejumlah besar perkataan Arab dalam Bahasa Melayu seperti perkataan ilmu, bab, wuduk, solat, maktabah, madrasah, jamek, nikah dan sebagainya. Malahan sebelum penjajahan British, masyarakat Melayu telah menggunakan huruf Arab dalam tulisan Jawi.

Pada tahun 1977 Kurikulum Bahasa Arab di sekolah menengah kebangsaan mula digubal secara rasmi. Serentak dengan itu sebanyak sebelas sekolah agama negeri dan rakyat diambil alih pentadbirannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekolah-sekolah berkenaan kemudiannya dinamakan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan telah membuka Kelas Aliran Agama (KAA) yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah kebangsaan harian. Sehingga kini terdapat 56 buah SMKA dan lebih dari 350 sekolah menengah harian yang menawarkan KAA.

Pada 12 Jun 1991, Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) telah memutuskan supaya nama Bahasa Arab diubah kepada Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Selain daripada itu JKP juga meluluskan mata pelajaran baru iaitu Bahasa Arab Tinggi (BAT) dan dilaksanakan mulai tahun 1992. (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia).

Mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ditawarkan pada peringkat Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia, sementara mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi hanya ditawarkan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Kedua-dua

mata pelajaran ini mempunyai sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran yang berbeza. Begitu juga dengan format peperiksaan dan buku teks.

Matlamat Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ialah untuk membolehkan pelajar menguasai dan menggunakan kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Persoalan yang timbul sekarang ialah pelajar yang telah melalui proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi pada tahap menengah rendah masih gagal menguasai sepenuhnya kemahiran berbahasa tersebut.

Satu kajian oleh Pusat Bahasa Institut Teknologi Mara (ITM) sekarang Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam (dalam Khadijah bt Hj.Yaakub, 1999:12) menyatakan pelajar yang berjaya dengan mendapat keputusan cemerlang bahasa Arab dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tidak dapat menterjemahkan keupayaan mereka berbahasa dengan baik selaras dengan pencapaian yang diperolehi.

Mata pelajaran Bahasa Arab juga gagal untuk mengekalkan bilangan pelajarnya untuk terus mengikuti pembelajaran bahasa Arab sehingga ke tahap yang lebih tinggi sama ada dari segi penguasaan atau pun pada tahap akademik. Ramai pelajar bahasa Arab terutamanya dari Kelas Aliran Agama enggan meneruskan pembelajaran Bahasa Arab pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia. Bilangan ini semakin mengecil pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia, diikuti dengan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia seterusnya peringkat ijazah. Dapatan kajian penulis mendapati hampir keseluruhan pelajar menyatakan bahasa Arab sukar atau amat sukar dipelajari dan mereka tidak mahu meneruskannya lagi.

Situasi ini amat membimbangkan kerana kemerosotan bilangan pelajar yang telah menghabiskan sekurang-kurangnya tiga tahun untuk mempelajari bahasa Arab berterusan saban tahun. Ini amat berbeza dengan bahasa Inggeris yang terus dapat mengekalkan bilangan pelajarnya pada peratusan yang agak tinggi. Jika hal ini tidak ditangani secara berkesan, masyarakat Melayu Islam sendiri akan memberikan pandangan yang negatif terhadap bahasa yang sangat mulia ini.

1.2 Pernyataan masalah

Ayat merupakan tahap bahasa yang paling tinggi. Ia adalah lambang kepada ungkapan idea dan fakta yang difikirkan dan dipersembahkan oleh seseorang dalam bentuk ucapan (kata-kata) atau pun tulisan. Kelemahan membentuk ayat secara bertutur atau bertulis dengan baik akan menjadikan sesuatu idea itu kabur dan sukar difahami, seterusnya menggagalkan komunikasi atau penyampaian mesej kepada pihak pendengar dan pembaca. Sebaliknya ungkapan idea atau fakta yang ditulis dengan ayat yang jelas, menepati sesuatu maksud, olahan bahasa yang menarik dan menepati tatabahasa mampu memberi kesan yang mendalam kepada orang yang berinteraksi dengannya.

Pelajar biasanya tidak mempunyai masalah yang rumit untuk menulis ayat mengenai sesuatu idea dalam bahasa ibunda namun situasi ini berbeza apabila mereka menggunakan bahasa lain. Beberapa persoalan timbul dari ketidakupayaan pelajar dalam kemahiran menulis ayat dengan baik dalam bahasa Arab. Kelemahan pelajar mengungkap idea dan fakta secara bertulis mudah dikesan melalui kertas-kertas ujian, peperiksaan, latihan-latihan dan sebagainya.

Kelemahan pelajar menulis ayat bahasa Arab untuk menggambarkan idea dan fakta dengan baik memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik mereka. Kelemahan ini menyebabkan mereka mendapat markah yang rendah atau mungkin gagal dalam mata pelajaran Bahasa Arab berbanding dengan mata pelajaran lain. Ini akan menjejaskan minat dan kesungguhan mereka untuk terus mengikuti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ke tahap yang lebih tinggi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa ramai pelajar hanya berminat meneruskan pembelajaran bahasa Arab ke tahap Penilaian Menengah Rendah sahaja.

Melalui pengalaman penulis selama lebih dari lima tahun sebagai guru mata pelajaran Bahasa Arab, penulis mendapati kemahiran menulis ayat dalam bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu masih rendah. Kelemahan ini jika tidak ditangani secara berkesan akan mendatangkan impak yang negatif terhadap pembelajaran dalam kursus-kursus yang ditawarkan dalam bahasa Arab di peringkat kolej atau universiti. `Arif Kharhi Abu Khudairiy (1994: 50) telah menyentuh kelemahan penulisan pelajar Melayu di Jabatan Bahasa Arab di sebuah universiti di Malaysia.

1.3 Bidang Kajian.

Pada keseluruhannya kajian ini berfokus kepada pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu. Melalui kajian ini, penulis cuba untuk melihat proses pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu, khasnya kemahiran menulis ayat bahasa Arab dan kesannya terhadap pencapaian akademik mereka. Kemahiran menulis ayat yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah:

- i) Menyusun perkataan yang tidak teratur susunannya dan menulisnya semula menjadi ayat yang sempurna.
- ii) Menulis ragam ayat seperti ayat tanya, ayat perintah, ayat tegah dan sebagainya.
- iii) Membentuk dan menulis *jumlat basīṭat* (ayat tunggal) dan *jumlat murakkabat* (ayat majmuk).
- iv) Memanjangkan jumlat basīṭat dengan melakukan penambahan samaada dengan partikel atau *sifat mawsūf* dan sebagainya.
- v) Menggabungkan *jumlat Basīṭat* menjadi *jumlat murakkabat*.
- vi) Menggunakan kata hubung yang sesuai dalam menggabungkan ayat-ayat.
- vii) Menterjemahkan ayat bahasa Melayu ke dalam ayat bahasa Arab
- viii) Menulis sejumlah ayat yang saling berkaitan mengenai sesuatu perkara (karangan pendek).

Ayat yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah mengikut apa yang terdapat dalam Huraian Sukatan pelajaran Bahasa Arab Komunikasi tingkatan satu dan dua. Kemahiran menulis ayat adalah diukur melalui sejauh mana mereka dapat membentuk dan menulis ayat-ayat tersebut dengan sempurna bersesuaian dengan tahap mereka. Dalam kajian ini, penulis akan menggunakan istilah asal bahasa Arab dan terjemahannya (yang sesuai dengan maksudnya dalam bahasa Melayu untuk menerangkan dan membezakan antara jenis, bentuk dan ragam ayat).

Kajian ini memfokuskan kepada pembelajaran ayat bahasa Arab dan bukannya kajian perbandingan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Oleh kerana responden kajian adalah pelajar Melayu, maka penulis akan menyentuh ayat bahasa Melayu apabila membincangkan kesan atau pengaruhnya kepada ayat-ayat yang ditulis oleh pelajar dalam bahasa Arab.

Proses pembelajaran tidak akan sempurna tanpa adanya pengajaran yang memperlihatkan peranan penting guru dalam sesuatu penghasilan ilmu. Elemen sukatan pelajaran juga asas penting dalam menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu penulis juga akan melihat sejauh mana guru dan peranannya dalam menjayakan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab yang ditetapkan penggunaannya oleh pihak Kementerian Pendidikan.

1.4 Batasan Kajian

Ayat dalam bahasa Arab mempunyai struktur, bentuk dan jenis-jenis yang tersendiri. Kajian ini akan membincangkan keupayaan pelajar dalam menulis ayat-ayat bahasa Arab tersebut. Apakah jenis dan bentuk ayat yang mampu dibentuk dan paling banyak ditulis oleh pelajar. Mengapakah pelajar lebih cenderung memilih jenis ayat tertentu berbanding dengan jenis ayat yang lain dalam mengungkapkan dan melahirkan idea mereka dan mengapakah idea dan fikiran mereka sering tidak jelas apabila menulis ayat yang panjang, seterusnya adakah kebanyakan ayat yang ditulis pelajar itu pendek atau panjang?

Untuk melihat proses pembelajaran menulis ayat bahasa Arab dari awal lagi, penulis telah membataskan kajian ini hanya kepada pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama (KAA) di lima sekolah Menengah Kebangsaan di Selangor. Pelajar ini dipilih adalah berdasarkan kepada 4 perkara:

- i) Pelajar tingkatan dua telah melalui tempoh lebih dari setahun mempelajari Bahasa Arab Komunikasi. Data mentah dikumpulkan dari pelajar pada bulan September sehingga November 2001.

- ii) Pelajar telah mempunyai kemahiran asas berbahasa iaitu mendengar, membaca, bercakap dan menulis. Pelajar yang menduduki Kelas Aliran Agama (KAA) adalah terpilih dan mempunyai tahap pencapaian akademik yang lebih baik dari rakan tingkatan dua aliran biasa yang lain.

- iii) Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, pelajar sepatutnya sudah menguasai pembentukan dan penulisan ayat Bahasa Arab.

- iv) Kaedah pengajaran tatabahasa bahasa Arab peringkat sekolah menengah rendah adalah bersifat *tawzīfī* (penggunaan secara terus) dan diajar secara langsung dalam aktiviti komunikasi. Perkara ini berbeza dengan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia yang memberi penekanan khusus kepada pengajaran tatabahasa Arab dan retorik. Pelajar-pelajar didedahkan dengan istilah-istilah tatabahasa, bahagian-bahagian ayat, kaedah dan keterangan mengenainya serta di dalam topik-topik khas.

1.5 Objektif kajian

Dalam kajian ini penulis ingin melihat secara khusus beberapa perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis ayat dalam bahasa Arab pelajar tingkatan dua di lima buah sekolah dengan memberikan lebih penekanan pada bidang pembelajaran.

Objektif kajian ini ialah:

- i) Mengenalpasti faktor-faktor kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran menulis ayat dalam bahasa Arab.
- ii) Mengukur tahap kemampuan pelajar dalam melahirkan idea dan fakta mereka dalam ayat tulisan mereka.
- iii) Meninjau hubungan antara kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis ayat dengan strategi dan kaedah pengajaran guru.

1.6 Persoalan kajian

Kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

- i) Sejauh manakah penguasaan terhadap item leksikel bahasa Arab dan susunannya dalam ayat mempengaruhi keupayaan pelajar membentuk dan menulis ayat?
- ii) Bagaimanakah bahasa pertama mempengaruhi kemahiran pelajar menulis ayat bahasa Arab?
- iii) Adakah terdapat hubungan antara kemampuan pelajar membina dan menulis ayat dengan strategi dan kaedah pengajaran guru?
- iv) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran pelajar menulis ayat bahasa Arab?

1.7 Kepentingan kajian

Kajian ini sangat penting kerana dapatannya akan menunjukkan sejauh manakah kemampuan pelajar membentuk dan menulis ayat dalam bahasa Arab. Oleh kerana kajian ini telah merujuk kepada Sukatan Pelajaran Bahasa Arab dan buku teks Bahasa Arab Komunikasi tingkatan dua yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka,

ianya boleh menjadi pengukur kepada keberkesanan pelaksanaan sukatan pelajaran dan buku teks tersebut di dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini amat penting khususnya kepada pihak-pihak berikut:

i) Kepada penulis

Hasil kajian ini sangat penting buat penulis kerana penulis merupakan seorang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab. Dapatan dari data-data sekunder memantapkan lagi pengetahuan penulis akan keperluan dan kekangan yang perlu dihadapi bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hasil dari dapatan data primer samada yang positif atau negatif merupakan pengalaman guru-guru dan pelajar bahasa Arab dan ianya amat berguna sebagai pedoman dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ke arah lebih berkesan dan lebih cemerlang.

ii) Kepada guru Bahasa Arab

Kajian ini amat penting untuk guru-guru mata pelajaran Bahasa Arab, kerana penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab akan dapat diukur dengan tepat dan jelas dengan melihat sejauh manakah kemampuan pelajar menguasai ayat sama ada secara bertutur mahu pun bertulis. Dengan kemampuan yang tinggi dalam membentuk dan menulis ayat maka idea dan fakta yang ingin dibentangkan dan disampaikan kepada pembaca dapat difahami dengan jelas.

Guru-guru dapat menilai semula keberkesanan pengajarannya dengan melihat kemampuan pelajarinya membina dan menulis ayat. Langkah seterusnya ialah

mencari kekuatan dan kelemahan proses pengajaran yang dijalankannya dan apa yang berkaitan dengannya untuk diperbaiki.

Keupayaan pelajar menulis ayat dengan baik dan dapat membawa atau menyampaikan mesej dengan jelas adalah bukti kukuh berkesannya pengajaran guru berkenaan dalam mengajar kemahiran tersebut, begitu juga sebaliknya. Secara tidak langsung ianya menjadi pengukur kepada pihak guru dalam menilai pengajarannya.

iii) Kepada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri

Hasil kajian ini akan dapat membantu pihak pengurusan atasan mata pelajaran Bahasa Arab untuk menggunakan dapatan ini bagi membentuk strategi berkesan dalam meningkatkan tahap keupayaan pelajar menguasai ayat-ayat bahasa Arab. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam menguasai ayat-ayat bahasa Arab.

Dapatan ini juga dapat dijadikan alat ukur untuk menilai sama ada objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Arab dan pelaksanaannya tercapai atau tidak. Dapatan ini juga akan dapat membantu pihak Kementerian dan Jabatan pendidikan Negeri untuk menyediakan keperluan-keperluan yang diperlukan oleh pihak pengurusan Kelas Aliran Agama di peringkat sekolah sama ada berbentuk fizikal, bimbingan, motivasi dan sebagainya.

1.8 Penutup

Bab ini telah membincangkan asas-asas penting mengapa kajian mengenai ayat ini dilakukan. Beberapa alasan telah dikemukakan kenapa kajian ini perlu dilakukan dan kepentingannya kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. faktor-faktor seperti penguasaan leksikal, struktur bahasa Arab, pengaruh bahasa Melayu, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya perlu dilihat secara menyelidiki untuk mencari punca yang telah melahirkan situasi dan tahap semasa kemahiran menulis ayat bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu.

Dapatan kajian menjelaskan situasi sebenar penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab terutamanya kemahiran menulis ayat. Semoga ianya dapat mencetuskan idea-idea baru kepada semua pihak yang terlibat dalam memilih dan menentukan keperluan serta pendekatan terbaik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab yang akan mempermudah pelajar Melayu memahami ayat bahasa Arab seterusnya menguasai bahasa Arab itu sendiri.